



LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

2023



ISI KANDUNGAN

Jabatan Khidmat Pengurusan.....	10
Jabatan Kewangan.....	39
Jabatan Perancang Pembangunan.....	50
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta.....	68
Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap.....	86
Jabatan Perlesenan.....	140
Jabatan Kesihatan Persekitaran.....	147
Jabatan Penguatkuasaan.....	164
Jabatan Pembangunan Masyarakat.....	174
Unit Perhubungan Awam Dan Korporat.....	182
Unit Audit Dalam.....	185
Unit Undang-Undang.....	188
Agensi Pusat Setempat / Unit One Stop Centre (OSC).....	191

PRAKATA

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Maju Johor.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Batu Pahat 2023 ini berjaya diterbitkan.

Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi yang berjaya menerbitkan buku laporan ini.

Pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapi oleh MPBP pada awal-awal tahun 2023 dengan bencana banjir pada bulan Januari hingga April yang melibatkan sebahagian kawasan MPBP. Walaubagaimanapun pada masa yang sama pelbagai program, aktiviti dan pencapaian telah direkodkan dalam Laporan Tahunan 2023.

Selain program Johor Bersih, operasi menyelamatkan bencana banjir & pasca banjir. MPBP telah melaksanakan pelbagai program serta aktiviti ke arah Agenda Matlamat Pembangunan Mampan. (SDG) 2030 dengan melancarkan Pelancaran 'Batu Pahat Blue Print Smart City', Rancangan Kawasan Khas Pesisiran Sungai Batu Pahat, Pelancaran Pelan Induk Landskap MPBP 2023-2033 MPBP juga telah menerima beberapa anugerah antaranya :-

1. MPBP (mewakili daerah Batu Pahat) telah mendapat Naib Johan Kategori Pakaian Terbaik Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor di Kluang.
2. Tempat Ke-3, Kategori Pihak Berkuasa Tempatan oleh Pusat Tanah Negara. Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor.
3. Anugerah Penarafan Bandar Pintar Tahap 1 (Smart City Early Adopter) Peringkat Kebangsaan.
4. Anugerah Bandar Mampan Negeri Johor 2023 oleh PLANMalaysia Johor.
5. Anugerah Emerald Award di MyPlace Award 2023

Bagi merialisasikan Tahun Melawat Johor 2026 berjalan lancar, beberapa program pelancongan telah diadakan pada tahun 2023 iaitu 4 Siri Program Berbasikal Jelajah Batu Pahat 2023 (Siri 1.0 sejauh 18 kilometer, Siri 2.0 sejauh 45 kilometer, Siri 3.0 sejauh 70 kilometer dan Siri 4.0 sejauh 120 kilometer)

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Majlis dan wargakerja MPBP atas perbagai usaha mereka sepanjang tahun 2023 dan saya yakin dengan momentum yang ada ini jika ditambah baik akan menjadikan Batu Pahat Maju dan Sejahtera.


Sekian, terima kasih.

CARTA ORGANISASI

LAPORAN TAHUNAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT TAHUN 2023

Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) terdiri daripada lapan (8) Jabatan, empat (4) Unit, lapan belas (18) Bahagian dan satu (1) Cawangan.

CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jabatan ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Teknologi Maklumat (IT).

FUNGSI JABATAN

Menyediakan dan memastikan pengurusan pentadbiran am dan perkhidmatan personal MPBP dapat diuruskan secara efisien dan sistematik mengikut peraturan-peraturan / pekeliling yang ditetapkan bagi memberi kepuasan pelanggan dalaman / luaran dengan sistem penyampaian yang cekap dan berkualiti.

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

MAJLIS AMANAT DAN PERHIMPUNAN BULANAN TAHUN 2023

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT TAHUN 2023	15 JANUARI 2023
2	PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BULAN FEBRUARI 2023	7 FEBRUARI 2023
3	MAJLIS KHATAM AL-QURAN, BICARA RAMADAN & MAJLIS BERBUKA PUASA MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	5 APRIL 2023
4	MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BULAN MEI 2023	14 MEI 2023
5.	PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT (MPBP) BAGI BULAN JULAI TAHUN 2023	9 JULAI 2023
6.	MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OGOS 2023 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	13 OGOS 2023
7.	PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT (MPBP) BAGI BULAN OKTOBER TAHUN 2023	8 OKTOBER 2023
8.	PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT (MPBP) BAGI BULAN SEPT TAHUN 2023	17 SEPTEMBER 2023
9	PERHIMPUNAN BULAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BULAN DISEMBER 2023	3 DISEMBER 2023

MESYUARAT BERSAMA JABATAN (MBJ) TAHUN 2023

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	MESYUARAT BERSAMA JABATAN MBJ TAHUN 2023 BIL 1	14.02.2023
2.	MESYUARAT BERSAMA JABATAN MBJ TAHUN 2023 BIL. 2	06.06.2023
3.	MESYUARAT BERSAMA JABATAN MBJ TAHUN 2023 BIL.3	17.09.2023

AKTIVITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI 2023

BIL	TAJUK	TARIKH
1.	MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) TAHUN BIL1/2022	25 FEBRUARI 2023
2.	KURSUS MESYUARAT KAJIAN PENGURUSAN RISIKO (MKSP) DAN PENGURUSAN RISIKO	11 – 13 DISEMBER 2023
3.	BENGKEL PERKONGSIAN OBJEKTIF KUALITI JABATAN /UNIT DAN FUNGSI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BAGI TAHUN 2023	19 FEBRUARI 2023
4.	AUDIT PEMATUHAN MS ISO 9001:2015 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT TAHUN 2023	10 APRIL 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP DAN MESYUARAT PENUH MPBP BAGI TAHUN 2023

BULAN	TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP	TARIKH MESYUARAT PENUH
JANUARI	16.01.2023 (ISNIN)	29.01.2023 (AHAD)
FEBRUARI	13.02.2023 (ISNIN)	27.02.2023 (ISNIN)
MAC	13.03.2023 (ISNIN)	28.03.2023 (SELASA)
APRIL	12.04.2023 (RABU)	30.04.2023 (AHAD)
MEI	16.05.2023 (SELASA)	29.05.2023 (ISNIN)
JUN	15.06.2023 (KHAMIS)	27.06.2023 (SELASA)
JULAI	12.07.2023 (RABU)	26.07.2023 (RABU)
OGOS	14.08.2023 (ISNIN)	28.08.2023 (ISNIN)
SEPTEMBER	13.09.2023 (RABU)	27.09.2023 (RABU)
OKTOBER	18.10.2023 (RABU)	30.10.2023 (ISNIN)
NOVEMBER	13.11.2023 (ISNIN)	28.11.2023 (SELASA)
DISEMBER	13.12.2023 (RABU)	27.12.2023 (RABU)

Tajuk : Majlis Amanat Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat Tahun 2023

Tarikh : 15 Januari 2023

Keterangan :

- Program dimulakan dengan sesi Ucapan dan Amanat bagi tahun 2023 oleh YBhg. Ezahar Bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat yang telah memberi amanat bagi tahun 2023 dan program-program yang dirancang oleh jabatan-jabatan di MPBP.
- Tuan YDP juga sempat mengucapkan tahniah di atas pencapaian yang telah dikecapi oleh MPBP sepanjang pada tahun 2022.
- Program diteruskan dengan penyampaian anugerah pekerja contoh bulanan sepanjang tahun 2022 dan majlis penyampaian hadiah pertandingan mencipta logo dan selogan KIK.
- Majlis turut dihadiri oleh Encik Abdul Karim bin Haji Bakar, Tuan Setiausaha MPBP serta warga kerja MPBP.

Gambar:



Tajuk : Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bulan Februari 2023

Tarikh : 7 Februari 2023

Keterangan :

- Perhimpunan Bulanan Februari 2023, yang diurusetikan bersama oleh Unit Pusat Setempat (OSC) dan Unit Perolehan dan Kontrak dimulakan dengan langkah berjalan kaki sambil membuat aktiviti plogging bermula dari Menara MPBP ke Jalan Shahbandar.
- Majlis perhimpunan pada kali ini diserikan dengan penampilan pertama pasukan koir MPBP yang terdiri daripada gabungan wajah baharu dan berpengalaman.
- Dikesempatan itu, Majlis Pelancaran Johor Bersih 2.0 Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua MPBP sebagai kesinambungan daripada Program Johor Bersih 100 Hari. Program Johor Bersih 2.0 akan diteruskan pada tahun ini yang meliputi kawasan dalam pentadbiran PBT, kawasan kampung dan luar bandar, kawasan sungai dan persisiran pantai.

Gambar:



Tajuk : Majlis Khatam Al-Quran, Bicara Ramadan & Majlis Berbuka Puasa Majlis Perbandaran Batu Pahat

Tarikh : 5 April 2023

Keterangan :

- Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mengadakan perhimpunan bulanan yang diurusetikan oleh Jabatan Kewangan MPBP. Program dimulakan dengan Sumbangan Bubur Lambuk oleh Anulae Cawangan Johor Barat dan Kelab Bunga Tanjung MPBP, Southern Volunteers MPBP dan Puspanita MPBP kepada orang ramai di Jalan Omar.
- Seterusnya di adakan Majlis Khatam Al- Quran, Majlis Sumbangan Banjir Yayasan Makmur Batu Pahat kepada warga MPBP yang terlibat dengan banjir baru-baru ini dan Program Bicara Ramadan oleh Ustaz Zuhairy bin Zolkiple Penceramah Bebas bertauliah serta majlis berbuka puasa.
- Majlis tersebut juga telah di sempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin. Turut hadir sama Ahli-ahli Majlis, Setiausaha dan wargakerja MPBP.

Gambar:



Tajuk : Majlis Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bulan Mei 2023

Tarikh : 13 Mei 2023

Keterangan :

- Majlis perhimpunan yang diurusetiaikan oleh Jabatan Kejuruteraan dan Landskap bermula dengan Ucapan Aluan oleh Encik Mohd Ridzuan bin A. Rahim, Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Landskap MPBP dan diteruskan dengan penyampaian amanat serta ucapan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, YBhg Encik Ezahar bin Abu Sairin.
- Program diteruskan dengan penyampaian anugerah pekerja contoh bulanan bagi bulan february, mac dan april tahun 2023, penyerahan surat kenaikan pangkat, penyerahan surat lantikan pegawai baru, dan majlis penyerahan kunci bilik pemandu, bilik serbaguna dan bilik 'Mama Friendly'.
- Bersempena dengan bulan syawal yang mulia ini, program diakhiri dengan Majlis Marhaban yang dipimpin oleh Encik Aripin bin Jelani dan dimeriahkan lagi dengan jamuan hari raya yang berkonsepkan 'Potluck' dari semua Jabatan dan Unit.

Gambar:



Tajuk : Majlis Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bulan Ogos 2023

Tarikh : 13 Ogos 2023

Keterangan :

- Majlis Perhimpunan bulanan Ogos tahun 2023 Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan di Padang Hoki Jalan Pejabat, Batu Pahat.
- Perhimpunan ini telah dirasmikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Turut hadir sama Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar Setiausaha MPBP, Ketua-ketua jabatan, Southern Voluntees Batu Pahat dan warga kerja MPBP.
- Program telah diurusetiaikan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dengan tema 'Semangat Keluarga MPBP' melibatkan acara sukan diantara kakitangan MPBP.

Gambar:



Tajuk : Majlis Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bulan Ogos 2023

Tarikh : 9 Julai 2023

Keterangan :

- Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan Julai 2023 ini diurusetiaikan oleh Jabatan Pelesenan MPBP. Ia bermula dengan Ucapan Aluan oleh Puan Rosnaleza binti Tugiman, Ketua Jabatan Pelesenan MPBP dan diteruskan dengan ucapan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP.
- Seterusnya, Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi bulan Jun 2023 serta penyerahan surat kenaikan pangkat, penyerahan surat lantikan pegawai baru, Pelancaran Sistem i-Hall, Penyampaian Bahan Kempen Anti Rasuah dan taklimat ringkas daripada Tuan Ayub bin Majid, Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Pahat.
- Bersempena dengan bulan Kesedaran Keselamatan Kebakaran ini juga, majlis diakhiri dengan demonstrasi menggunakan alat pemadam api oleh Tuan Yang Dipertua MPBP dan wakil setiap Jabatan MPBP.

Gambar:



Tajuk : Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) Bagi Bulan Sept Tahun 2023

Tarikh : 13 Sepetember 2023

Keterangan :

- Majlis perhimpunan bulanan bagi bulan September 2023 ini diurusetikan oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran MPBP. Ia bermula dengan Ucapan Aluan oleh Encik Jani bin Supian, Ketua Jabatan Kesihatan Persekitaran MPBP dan diteruskan dengan ucapan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP.
- Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Anugerah Pekerja Contoh Bulanan, Memperkenalkan Anggota Lantikan Baru, Latihan Pengungsian Bangunan, Pertandingan Tandas Bersih Menawan Wangi (BMW), Pertandingan Menghias Pejabat Sempena Hari Malaysia bertema Semarak Patriotik dan juga pelancaran Program Cabaran menurunkan Berat Badan Kempen Gaya Hidup Sihat dalam tempoh 90 hari bermula 1 Oktober 2023 hingga 29 Disember 2023.
- Dalam ucapannya, beliau juga berkongsi berkenaan program sepanjang bulan Ogos dan September 2023 serta pencapaian Kontinjen MPBP dengan penganugerahan Tempat Kedua Kategori Pakaian Terbaik mewakili daerah Batu Pahat di Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor yang mewakili daerah Batu Pahat.

Gambar:



Tajuk : Perhimpunan Bulanan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) Bagi Bulan Sept Tahun 2023

Tarikh : 8 Oktober 2023

Keterangan :

- Majlis perhimpunan bulanan bagi bulan Oktober 2023 diurusetikan oleh Jabatan Penguatkuasaan MPBP. Majlis dimulakan dengan Ucapan Aluan oleh Encik Mohd. Qamarul Hazeq, Ketua Jabatan Penguatkuasaan MPBP dan diteruskan dengan ucapan Amanat oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua MPBP.
- Dalam ucapannya, beliau juga berkongsi berkenaan program sepanjang bulan September 2023 serta pencapaian Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan penganugerahan Tempat Ketiga Pembekal Data Terbaik (Kategori Pihak Berkuasa Tempatan) dalam satu majlis Apresiasi Pembekal Data Tahun 2023 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor, Kementerian Kewangan Malaysia.
- Seterusnya, Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan bagi bulan September 2023..

Gambar:



Tajuk : Perhimpunan Bulan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bulan Disember 2023

Tarikh : 3 Disember 2023

Keterangan :

- Perhimpunan Bulanan Disember 2023, yang diurusetikan bersama oleh Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Unit Perhubungan Awam Dan Korporat, Unit Undang-undang dan Unit Audit Dalam dimulakan dengan Pertandingan Explorasi Zon Warisan dan Senamrobik.
- Majlis perhimpunan pada kali ini diserikan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Bulanan dan juga simbolik penyerahan plak kejayaan beberapa pengiktirafan yang diperolehi MPBP Anugerah Bandar Mampan, Anugerah Inisiatif Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar serta Pengiktirafan di My Place Awards. Turut diserahkan hadiah kemenangan beberapa siri "Explorace" yang telah dimenangi oleh pasukan MPBP.
- Terdahulu, Puan Sr Mastura binti Othman, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah memberikan sepatah dua kata ucapan aluan dan seterusnya disusuli dengan ucapan oleh YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua MPBP. Tayangan montaj rangkuman aktiviti dan kejayaan MPBP sepanjang tahun turut diadakan bagi menutup tirai tahun 2023.

Gambar:



Tajuk : Majlis Malam Jasamu Dikenang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2022

Tarikh : 3 Oktober 2023

Keterangan :

- Majlis Malam Jasamu Dikenang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2022 telah diadakan pada 3 Oktober 2023 (Isnin) bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Batu Pahat.
- Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat Encik Ezahar bin Abu Sairin telah merasmikan Majlis tersebut Turut hadir sama Timbalan Ketua Whip Ahli Majlis Encik Zaidi bin Japar dan Setiausaha MPBP Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar.
- Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk meraikan 28 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022. Penghargaan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang cemerlang dalam perkhidmatan dan dijadikan pembakar semangat kepada pegawai lain untuk sama-sama meningkatkan prestasi perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi. Selain itu, majlis tersebut juga meraikan seramai 17 orang pesara dan 4 orang pegawai yang berpindah. Ini adalah sebagai penghargaan untuk mengenang sumbangan dan jasa bakti yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di MPBP.
- Di samping itu, majlis APC pada kali ni dimeriahkan dgn persembahan dan kreativiti warga MPBP berkonsepkan tema "Back To School".

Gambar:



Tajuk : Mesyuarat Penuh Tahun 2023

Tarikh : Telah dijalankan Selama 12 kali setahun @ setiap bulan.

Keterangan :

- Mesyuarat Penuh Tahun 2023 bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat telah Berjaya diadakan sebanyak 12 kali setahun @ Sebulan sekali.

Gambar:



Tajuk : Kursus Pengurusan Risiko dan Mesyuarat Kajian Sistem Pengurusan

Tarikh : 8 Oktober 2023

Keterangan :

- Kursus Pengurusan Risiko dan Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

Gambar:



BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**1. Laporan Perjawatan MPBP**

a) Senarai perjawatan MPBP bagi tahun 2023

BIL	KUMPULAN PERJAWATAN	TETAP		KONTRAK		JUMLAH PENGISIAN	JUMLAH KEKOSONGAN
		PERJAWATAN	PENGISIAN	PERJAWATAN	PENGISIAN		
1.	Pengurusan & Profesional	32	23	-	-	23	9
2.	Pelaksana	327	283	39	37	320	46
	JUMLAH	359	306	39	37	343	55

b) Pegawai Lantikan Baru (Tetap Dan Berpencen)

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
1.	Saidatul Malaliza Binti Saidali	Pegawai Tadbir N41	01.05.2023
2.	Nurul Farahana Binti Kasmin	Penolong Jurutera Ja29	09.07.2023
3.	Rohanah Binti Ya'kob	Penolong Pegawai Penilaian W29	01.07.2023
4.	Ahmad Zulhelmi Bin Abdullah	Pembantu Awam H11	03.09.2023
5.	Muhammad Ammar Bin Abdul Kadir	Pembantu Awam H11	03.09.2023
6.	Mohammad Izzuddin Bin Mohd Shahid	Pembantu Awam H11	03.09.2023
7.	Putera Amirul Bin Azman	Pembantu Awam H11	03.09.2023
8.	Rahizi Bin Abdul Rahim	Pembantu Awam H11	03.09.2023
9.	Haziq Bin Mohd Said	Pembantu Awam H11	03.09.2023
10.	Muhamad Syazwi Bin Sahar	Pembantu Awam H11	03.09.2023
11.	Muhamad Shahrul Azhar Bin Abdul Rahim	Pembantu Awam H11	03.09.2023

12.	Mohamad Fuad Bin Parlan	Pembantu Awam H11	03.09.2023
13.	Saifudin Bin Wagiman	Pembantu Awam H11	03.09.2023
14.	Muhamad Nor Asrul Bin Ishak	Pembantu Awam H11	03.09.2023
15.	Muhammad Faiz Bin Jasni	Pembantu Awam H11	03.09.2023
16.	Muhammad Zubair Bin Nazudin	Pembantu Awam H11	03.09.2023
17.	Mohamad Qamarul Hazeq Bin Mohamad Ridza	Pegawai Penguatkuasa KP41	03.09.2023
18.	Anwar Bin Daud	Pembantu Awam H11	01.10.2023
19.	Mohamad Ammar Bin Nasoha	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29	03.12.2023

c) Pegawai Lantikan Baru (Contract Of Service)

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
1.	-TIADA-		

d) Pegawai Bersara Paksa

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	Hamadi Bin Kamson	Pembantu Awam H11	01.01.2023
2.	Abdul Jabbar Bin Shuja' @ Sujak	Pembantu Operasi N11	11.04.2023
3.	Zainal Abidin Bin Zakaria	Pembantu Tadbir (P/O) N19	01.05.2023
4.	Kadir Bin Rahmat	Pembantu Awam H11	14.05.2023
5.	Ho Geok Eng	Penolong Akauntan W29 (KUP)	08.08.2023
6.	Faridah Binti Hassan	Pembantu Tadbir (P/O) N26 (TBK)	14.08.2023
7.	Suliman Bin Wahid	Pembantu Awam H11	19.11.2023
8.	Sha'aban Bin Abdullah	Pembantu Penguatkuasa KP22	30.12.2023

e) Pegawai Bersara Pilihan Sendiri

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH BERSARA
1.	Halizah Bt. Ibrahim	Pembantu Tadbir (P/O) N19	01.01.2023
2.	Hamidah Bt. Khamis	Pembantu Tadbir (P/O) N19	01.02.2023
3.	Zulkifli Bin Ahamad	Pembantu Awam H11	01.03.2023
4.	Ismail Bin Mohd Musbah	Pembantu Penguatkuasa KP19	01.06.2023
5.	Malza Bin Ahmad	Pembantu Awam H11	01.09.2023
6.	Bunyah Binti Dollah	Penolong Pegawai Pertanian G29 (KUP)	01.11.2023

f) Pegawai Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	Gemulah Norazhan Bin Nordin	Pembantu Penguatkuasa KP19	25.04.2023
2.	Gemulah Hasanuddin Bin Mohtaram	Pembantu Operasi N11	17.09.2023

g) Pegawai Ditamatkan Perkhidmatan

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	-TIADA-		

h) Pegawai Meletakkan Jawatan/ Melepaskan Jawatan

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	Ishak Bin Mat	Pembantu Penguatkuasa (L/K) KP19	05.01.2023
2.	Abdul Halim Bin Mamat @ Awang	Penolong Pegawai Seni Bina JA29	05.02.2023
3.	Farah Afifah Binti Kasmin @ Bajuri	Juruaudit W41	06.02.2023
4.	Zainudin Bin Budi	Pembantu Penguatkuasa (L/K) KP19	30.09.2023
5.	Muhammad Lutfi Zuhdi Bin Ilman	Pembantu Tadbir (P/O) N19	14.10.2023

2. Laporan pencapaian kehadiran latihan wargakerja MPBP mengikut kumpulan gred bagi tahun 2023


Objektif kualiti bagi pencapaian latihan wargakerja MPBP ialah memastikan 90% anggota menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun.

Bagi tahun 2023, seramai 315 orang (91.8%) telah menghadiri latihan sebanyak 7 hari atau lebih dan 28 orang (8.2%) telah menghadiri latihan kurang dari 7 hari daripada jumlah keseluruhan wargakerja seramai 343 orang bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

Berikut adalah butiran pencapaian kehadiran latihan wargakerja MPBP mengikut kumpulan gred bagi tahun 2023 sebagaimana di Jadual berikut :

BIL	GRED KUMPULAN	JUMLAH ANGGOTA	HADIR 7 HARI ATAU LEBIH	HADIR KURANG 7 HARI
1.	Pengurusan & Profesional (Gred 41 keatas)	21	21 (100%)	0 (0%)
2.	Pelaksana (Gred 1- 40)	322	294 (91.3%)	28 (8.7%)
JUMLAH		343	315 (91.8%)	28 (8.2%)

Graf bar bagi pencapaian kehadiran latihan wargakerja MPBP mengikut kumpulan gred bagi tahun 2023 :










3. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang tahun 2023

3.1 Senarai Penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (APCB) Tahun 2023

MPBP mengiktiraf anggota kerja yang berprestasi tinggi untuk menerima anugerah kecemerlangan sebagai Pekerja Contoh Bulanan (APCB). Ia bertujuan untuk memberikan motivasi dan pengiktirafan serta galakan kepada semua anggota kerja MPBP. Penerima ini akan diberikan sijil penghargaan dan sugu hati berjumlah RM150.00. APCB ini adalah antara tindakan bagi pelaksanaan pelan strategik MPBP.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (APCB) bagi Bulan Januari hingga Disember Tahun 2023. Diharapkan penganugerahan ini akan menjadi motivasi dan pendorong kepada semua warga MPBP dalam melaksanakan tugas-tugas hakiki dengan cemerlang.

Berikut adalah senarai penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan (APCB) MPBP bagi bulan Januari hingga Disember 2023 :







Bulan	Nama	Jawatan	Jabatan/ Unit	Gambar
Januari	En. Saharuddin bin Mohd Taib	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Pembangunan Masyarakat & Korporat	
Februari	En. Mohd Ridzuan bin Masnan	Penolong Jurutera JA29	Kejuruteraan dan Landskap	
Mac	En. Azlan Shah bin Abdul Hadi	Pembantu Awam H11	Kesihatan Persekitaran	
April	En. Muhammad Azri bin Alwi	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa JA29	Perancangan Pembangunan	
Mei	Pn. Nor Aziema binti Tresno	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Khidmat Pengurusan	
Jun	En. Muhammad Naufal Hafiydzul Naim bin Azman	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Penilaian & Pengurusan Harta	
Julai	En. Hirman bin Padimin	Pembantu Penguatkuasa (Letak Kereta) KP19	Kewangan	

Bulan	Nama	Jawatan	Jabatan/ Unit	Gambar
Ogos	En. Sha'aban bin Abdullah	Pembantu Penguatkuasa KP22	Penguatkuasaan	
September	En. Mohd Norman bin Hosrin (Kosrin)	Penolong Jurutera JA36 (TBK)	OSC	
Oktober	Pn. Ani binti Saram	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26(TBK)	Pelesenan	
November	En. Jamaludin bin Ibrahim	Pembantu Awam H14	Kejuruteraan Dan Landskap	
Disember	Pn. Nor Hafizah binti Abd Hamid	Pembantu Tadbir (P/O) N19	Audit Dalam	

3.2 Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan kepada para pegawai yang telah memberi perkhidmatan cemerlang berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Pemberian APC ini diberi kepada pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian bagi setiap jabatan. MPBP menghargai dan mengiktiraf sumbangan pegawai-pegawainya kerana kualiti / kuantiti sumbangannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa.

Berikut adalah senarai penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2023 MPBP:

BIL	GAMBAR	NAMA DAN JAWATAN	JABATAN
1.		Pn. Siti Nuraisyah Binti Ali Pembantu Tadbir N19	Jabatan Khidmat Pengurusan
2.		En. Sulaiman Bin Nordin Pembantu Awam H11	Jabatan Khidmat Pengurusan
3.		En. Zamri Bin Ali Pembantu Awam H11	Jabatan Khidmat Pengurusan
4.		En. A Razalie Bin C Idris Pembantu Awam H11	Jabatan Khidmat Pengurusan
5.		En. Shahrul Bin Mohamed Akauntan WA41	Jabatan Kewangan
6.		Pn. Hamidah Binti Khamis Pembantu Tadbir N22	Jabatan Kewangan

BIL	GAMBAR	NAMA DAN JAWATAN	JABATAN
7.		En. Zainudin Bin Budi Pembantu Penguatkuasa (L/K) KP19	Jabatan Kewangan
8.		En. Khairulani Bin Buang Pembantu Penguatkuasa (L/K) KP19	Jabatan Kewangan
9.		En. Nor Affifuddin Bin Nordin Pembantu Penguatkuasa (L/K) KP19	Jabatan Kewangan
10.		Pn. Mastura Binti Othman Pegawai Penilaian W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
11.		En. Norhisam Bin Selamat Pegawai Penilaian W44	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
12.		En. Mohd Izzuddin Farid Bin Md. Noh Penolong Pegawai Penilaian W29	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

BIL	GAMBAR	NAMA DAN JAWATAN	JABATAN
13.		Pn. Rohanah Binti Ya'kob Pembantu Penilaian W19	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
14.		En. Mohd Azhar Bin Mohd Shahid Pembantu Awam H11	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
15.		Pn. Nur Marina Hani Binti Ribot Jurutera J44	Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap
16.		En. Naser Bin Pukari Pembantu Kemahiran H19	Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap
17.		En. Zaharudin Bin Jamil Pembantu Awam H11	Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap
18.		En. Norhiysam Bin Mohamad @ Samad Pegawai Perancang Bandar & Desa J41	Jabatan Perancangan Pembangunan

BIL	GAMBAR	NAMA DAN JAWATAN	JABATAN
19.		En. Muhammad Azri Bin Alwi Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa JA29	Jabatan Perancangan Pembangunan
20.		En. Khairul Assiddique Bin Jelani @ Jailani Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa JA29	Jabatan Perancangan Pembangunan
21.		Pn. Nor Aini Binti Ibrahim Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U29	Jabatan Kesihatan Persekitaran
22.		En. Azlan Shah Bin Abdul Hadi Pembantu Awam H11	Jabatan Kesihatan Persekitaran
23.		En. Baharul Ashik Bin Saram Pembantu Awam H11	Jabatan Kesihatan Persekitaran
24.		En. Shaában Bin Abdullah Pembantu Penguatkuasa KP22	Jabatan Penguatkuasaan

BIL	GAMBAR	NAMA DAN JAWATAN	JABATAN
25.		En. Mokhtar Bin Hasbullah Pembantu Penguatkuasa KP19	Jabatan Penguatkuasaan
26.		En. Abu Syah Haniffah Bin Abu Suod Pembantu Tadbir N19	Jabatan Pelesenan
27.		En. Abdul Hakim Bin Mohd Zor Pembantu Operasi N11	Unit Pusat Sehenti (OSC)
28.		Pn. Normassita Binti Ismail Pembantu Tadbir N19	Unit Perolehan Dan Kontrak

3.3 SARINGAN PEMERIKSAAN KESIHATAN WARGAKERJA MPBP

Pemeriksaan kesihatan sesi pertama bagi wargakerja MPBP yang berumur 40 tahun ke atas telah diadakan pada 9 hingga 11 Januari 2023 di Poliklinik Jalan Kluang, Batu Pahat yang melibatkan 46 orang wargakerja dari pelbagai jawatan dan jabatan.

Pemeriksaan kesihatan sesi kedua pula telah diadakan pada 26 dan 27 Jun 2023 yang melibatkan 30 orang wargakerja. Langkah ini sebagai usaha untuk memastikan kesihatan semua pegawai berada di tahap yang memuaskan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003; Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.



3.4 UJIAN CHOLINESTERASE MPBP (Ujian Racun Dalam Darah)

Ujian ini telah diadakan pada 2 Mac 2023, 7 Mac 2023 dan 21 Mac 2023 di Poliklinik Jalan Kluang, Batu Pahat. Ujian ini dijalankan kepada wargakerja Unit Vektor, Jabatan Kesihatan Persekitaran MPBP untuk membuat pengesanan awal sekiranya ada dalam kalangan anggota vektor yang mengalami keracunan akibat pendedahan pestisid.



3.5 KURSUS PENGURUSAN STRESS DAN KAUNSELING

Kursus Pengurusan Stress dan Kaunseling anjuran bersama Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) telah diadakan pada 2 Ogos 2023 bertempat di Pinetree Hotel.

Pihak MPBP telah menjemput Puan Norzafiza Binti Kamaros Zaman, Pegawai Psikologi, Unit Psikologi dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor untuk memberikan ceramah bagi kursus tersebut. Seramai 45 orang staf MPBP daripada pelbagai gred dan jabatan dalam MPBP dipilih untuk menyertai kursus ini.



3.6 KURSUS TEAM BUILDING

Kursus ini telah diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2023 di Amverton Heritage Resort Melaka dengan kerjasama pegawai AKRAB MPBP dan CGU Jinggo Training & Consultancy.

Seramai 35 orang peserta terlibat terdiri daripada kakitangan lantikan baru dan kakitangan sedia ada pelbagai pangkat dan jabatan dalam MPBP. Kursus ini diadakan bagi membudayakan semangat kerjasama dan mengeratkan silaturrahim dalam kalangan anggota MPBP.



3.7 PROGRAM TAKLIMAT INTEGRITI DAN TEKAD PENJAWAT AWAM MPBP

Program Taklimat Integriti dan TEKAD Penjawat Awam Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan pada 30 November 2023 bertempat di Surau Aras 4, Menara MPBP.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk membudayakan dan menyemarakkan Integriti dalam kalangan warga MPBP serta memberi kesedaran kepentingan tempat kerja bebas dadah.

Penceramah jemputan bagi taklimat TEKAD telah disampaikan oleh Encik Mohd Dzulkifli Bin Isnain dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Batu Pahat dan taklimat Integriti telah disampaikan oleh ASP Mohd Rodzi Bin Abdullah dari Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPBP, Encik Ezahar Bin Abu Sairin.





3.8 UJIAN KECERGASAN FIZIKAL BAGI CALON-CALON PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MPBP

Bagi yang memohon pekerjaan di MPBP, salah satu ujian yang perlu ditempuhi oleh calon yang memohon adalah Ujian Kecergasan Fizikal. Menerusi ujian ini, calon akan dinilai dari aspek kecergasan fizikal berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MPBP.

Tujuan utama ujian ini diadakan adalah untuk memastikan setiap calon yang memohon mempunyai kecergasan fizikal yang baik dan sihat sekiranya Berjaya menjawat jawatan yang dipohon di MPBP.



3.9 PROGRAM SARINGAN UJIAN AIR KENCING WARGAKERJA MPBP

Program saringan ujian air kencing wargakerja MPBP telah diadakan pada 31 Disember 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Delima Aras 14, Menara MPBP. MPBP telah menjemput Jabatan Penguatkuasa, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi mengadakan ujian ini.

MPBP sentiasa mengambil langkah-langkah yang tegas untuk memastikan wargakerja tidak terlibat dengan penagihan dadah dengan mengadakan ujian air kencing secara mengejut selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1989 Ujian Air Kencing Secara Mengejut Bagi Mengesan Penagihan Dadah di Agensi-agensi Kerajaan. Hasil keputusan sampel ujian air kencing akan direkodkan untuk diambil tindakan susulan sewajarnya mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1988.



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENCAPAIAN PRESTASI ADUAN KEROSAKAN ICT MPBP TAHUN 2023

1. Masa tindakan terhadap aduan kerosakan ICT:-


(Tindakan terhadap aduan kerosakan ICT di buat dalam tempoh 3 jam dari tarikh aduan diterima)

1.(a) Jadual di bawah menunjukkan tempoh Tindakbalas Aduan Kerosakan Komputer

Bulan	KPI Tempoh Tindakbalas Aduan Kerosakan		Jumlah Aduan diterima	Peratus Pencapaian Tindakbalas aduan kerosakan dlm tempoh < 3 jam (%)	Sasaran (%)
	< 3 jam	> 3 jam			
JAN	9	0	9	100	100
FEB	3	0	3	100	100
MAR	3	0	3	100	100
APR	1	0	1	100	100
MAY	5	0	5	100	100
JUN	3	0	3	100	100
JUL	2	0	2	100	100
AUG	5	0	5	100	100
SEP	8	0	8	100	100
OCT	4	0	4	100	100
NOV	3	0	3	100	100
DEC	2	0	2	100	100
PURATA	4.0		48	100.0	100

Jadual 1: Jadual tempoh Tindakbalas Aduan Kerosakan Komputer

1.(b) Graf Petunjuk Prestasi (KPI) tindak balas aduan computer < 3 jam




Rajah 1: Graf Petunjuk Prestasi (KPI) tindak balas aduan komputer < 3 jam.

1.(c) Graf bagi jenis masalah mengikut kategori kerosakan komputer.

Bulan	Jenis Masalah Mengikut Pecahan / Kategori			Jumlah Aduan
	Rangkaian (001)	Perkakasan (002)	Perisian (003)	
JAN	0	8	1	9
FEB	0	3	0	3
MAC	0	3	0	3
APRIL	0	1	0	1
MEI	0	5	0	5
JUN	0	3	0	3
JULAI	0	2	0	2
OGOS	0	3	2	5
SEPT	0	6	2	8
OKT	0	4	0	4
NOV	0	3	0	3
DIS	0	2	0	2
Jumlah	0	43	5	48

Jadual 2: Jadual jenis masalah mengikut kategori kerosakan komputer



Rajah 1: Graf jenis masalah mengikut kategori kerosakan komputer

1.(d) Jenis masalah mengikut pecahan / kategori

BIL	KATEGORI KEROSAKAN		BULAN												JUM LAH	
			Jan	Feb	Mac	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec		
1	1	Rangkaian														
		1	Network Card													0
		2	Cat-6 Cable													0
		3	RJ-45 Connector													0
		4	Switch													
		5	Telefon VOIP													
		6	Face Plate													0
2	2	Perkakasan													0	
		1	Harddisk								1				1	
		2	PC Power Supplies							1			2		3	
		3	Memory					1		1					2	
		4	Keyboard												0	
		5	Mouse												0	
		6	VGA Card												0	
		7	Sound Card												0	
		8	CD/DVD Rom												0	
		9	Printer	5	3	2		2	2		3	6	2	3	2	30
		10	Monitor													0
		11	Power Cable													0
		12	CPU	3				2	1							6
		13	Computer Processor													0
		14	Motherboard			1	1									2
15	LCD Projector													0		
3	3	Perisian													0	
		1	Driver Network TCP/ IP												0	
		2	Driver Printer	1							1				2	
		3	Internet Explorer												0	
		4	TelNet												0	
		5	e-PBT												0	
		6	Windows									1			1	
		7	Anti-Virus												0	
8	Software									1				1		
JUMLAH KESELURUHAN			9	3	3	1	5	3	2	5	8	4	3	2	48	

Johor Free WIFI



LAPORAN PENGGUNAAN JOHOR FREE WIFI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Lokasi WIFI MPBP	TAHUN 2023											
	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis
1 BANGUNAN MPBP - KAUNTER	35	17	4	22	37	50	69	24	25	32	19	30
2 Dataran Penggaram	136	108	59	52	75	107	124	134	157	180	199	200
3 Stadium Batu Pahat	287	201	132	132	226	247	226	345	234	543	124	121
4 Tasik Y Batu Pahat	40	57	14	41	67	133	85	99	120	144	179	167
5 BP Walk – Jln Rahmat	45	54	45	64	21	60	134	108	59	52	75	107
6 BP Walk - Rahmat	57	82	62	64	72	80	121	89	112	150	76	12
7 Terminal Bas Batu Pahat	168	77	74	166	153	156	30	55	157	180	199	220
8 Medan Selera PR Raja	55	80	21	121	55	85	55	82	62	64	72	80
9 Pekan Senggarang	258	333	174	195	179	254	13	174	195	179	254	10
10 Pekan Rengit	23	245	34	11	91	89	56	66	12	16	55	23
11 Jalan Omar	200	598	235	345	60	156	556	108	59	52	75	107



JABATAN KEWANGAN

FUNGSI JABATAN

1 HASIL AKAUN

Mengutip hasil Majlis
Mengurus wang deposit perkhidmatan
Membuat kawalan ke atas aliran tunai Majlis
Menguruskan pelaburan wang Majlis
Menyediakan kaedah alternatif pembayaran
Menyediakan laporan penyata hasil

2 PERBELANJAAN

Pembayaran ke atas tuntutan daripada pembekal
Membayar gaji kepada kakitangan Majlis
Menguruskan Panjar Wang Runcit
Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan
Menyelenggara rekod peruntukan kerajaan (Buku Vot)
Menyediakan laporan penyata perbelanjaan


3 PENGURUSAN ASET

Mengurus, menyemak dan merekod senarai baru harta modal & inventori majlis
Membuat pemeriksaan ke atas harta modal & inventori Majlis
Mengemaskini senarai harta modal & inventori Majlis
Menyediakan dokumen bagi proses pelupusan aset
Menyedia dokumen bagi proses pelupusan aset

4 TEMPAT LETAK KERETA

Penguatkuasaan tempat letak kereta (TLK)
Penyelenggaraan tempat letak kereta (TLK)
Menguruskan permohonan sewaan tempat letak kereta & kaki lima
Menyedia Penyata Hasil Unit TLK

**CARTA ORGANISASI
JABATAN KEWANGAN**



Activate W

TAHUN 2023

PERBANDINGAN HASIL DAN PERBELANJAAN



**Perbelanjaan
RM 72.4 Juta**


**Hasil
RM 80.3 Juta**



Tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan prestasi kutipan hasil yang sangat baik iaitu 99.3% daripada anggaran hasil kesan daripada pertumbuhan ekonomi di sekitar Batu Pahat yang amat menggalakkan. Majlis juga telah membuat perbelanjaan secara berhemah di mana jumlah keseluruhan perbelanjaan mencapai 88.9% daripada jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi tahun 2023.

PERBANDINGAN HASIL & PERBELANJAAN TAHUN 2021 - 2023 (RM JUTA)

RM JUTA



Prestasi Hasil


Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengutip hasil di dalam kawasan pentadbirannya. Terdapat tiga (3) punca hasil utama Majlis iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Dalam tempoh 3 tahun, prestasi hasil Majlis telah berada pada paras terbaik pada tahun 2023 iaitu RM 80.3 juta dengan pencapaian sebanyak 99.3% daripada unjuran tahun tersebut. Prestasi terbaik hasil tahun 2023 adalah melalui hasil cukai dengan pencapaian 55%, hasil bukan cukai sebanyak 24% manakala terimaan bukan hasil sebanyak 21% daripada keseluruhan hasil Majlis.

Prestasi Perbelanjaan

Perbelanjaan tahun 2023 berjumlah RM 72.4 juta merangkumi 83% bagi perbelanjaan mengurus dan 17% perbelanjaan pembangunan. Emolumen dan perkhidmatan & bekalan adalah perbelanjaan mengurus utama iaitu 92% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2023. Bagi perbelanjaan pembangunan, pihak Majlis telah membelanjakan sebanyak RM12.5 juta termasuk kerja-kerja menyelenggara dan memperbaiki aset infrastruktur dan bangunan-bangunan milik MPBP. Secara keseluruhan pihak Majlis telah membelanjakan sebanyak 88.9% daripada unjuran perbelanjaan

PRESTASI HASIL & PERBELANJAAN TAHUN 2023


HASIL	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	51,946,500	44,263,674	85.21
Hasil Bukan Cukai	16,260,600	19,599,366	120.53
Terimaan Bukan Hasil	12,636,720	16,422,521	129.96
JUMLAH HASIL	80,843,820	80,285,561	99.31





PERBELANJAAN	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)
Mengurus	63,742,320	59,884,241	93.95
Pembangunan	17,690,000	12,472,547	70.51
JUMLAH PERBELANJAAN	81,432,320	72,356,788	88.86
LEBIHAN/ (KURANGAN)	(588,500)	7,928,773	



PERBELANJAAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)
Pasar	400,000	391,648	97.91
Perkhidmatan & Gerai Bekalan	37,380,510	35,708,802	95.50
Bekalan Elektrik	1,816,000	1,811,114	99.73
Infrastruktur & Pemberian Bayaran Pengangkutan Awam Tetap	3,300,000	2,574,883	78.00
Bangunan Pejabat & Lain-lain	550,000	547,299	99.51
Taman Rekreasi	6,600,000	6,584,723	99.77
Sistem Maklumat	1,202,000	1,190,410	99.04
JUMLAH	11,578,000	11,491,479	99.25



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)	PENCAPAIAN (%)
Pasar	400,000	391,648	97.91
Gerai	710,000	708,802	99.83
Bekalan Elektrik	1,816,000	1,811,114	99.73
Infrastruktur & Pengangkutan Awam	300,000	257,483	85.83
Bangunan Pejabat & Lain-lain	550,000	547,299	99.51
Taman Rekreasi	6,600,000	6,584,723	99.77
Sistem Maklumat	1,202,000	1,190,410	99.04
JUMLAH	11,578,000	11,491,479	99.25



Aktiviti / Program Sepanjang Tahun 2023

1. Pemberian Cenderahati Kepada 10,000 Pembayar Cukai Terawal

Majlis Perbandaran Batu Pahat memberikan cenderahati kepada 10,000 pembayar cukai terawal pada setiap tahun sebagai tanda penghargaan dan menggalakkan pembayaran cukai harta di awal tahun. Pada tahun 2023, 10,000 cenderahati berupa *t shirt* dan pelekat kereta telah diberikan kepada pembayar cukai harta yang membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPBP.



Sumber : Jabatan Kewangan, MPBP

2. Promosi Pengurangan Kadar Kompaun Tempat Letak Kereta Tahun 2023

Bersempena dengan sambutan kemerdekaan Malaysia yang ke-66, MPBP telah mengadakan Promosi Pengurangan Kadar Kompaun Tempat Letak Kereta Tahun 2023. Berbeza dengan tradisi tahun-tahun sebelum, Tahun 2023 pihak MPBP telah mengambil inisiatif untuk memberikan sedikit kelainan dengan mengadakan promosi pengurangan kadar kompaun serendah RM 5 *bagi kenderaan yang mempunyai lebih 50 kompaun dan membuat bayaran penuh. Promosi yang diadakan bermula 1 Ogos 2023 sehingga 16 September 2023 telah berjaya menarik hampir 1,000 pelanggan dengan hasil kutipan hampir RM 120 ribu.

Promosi
KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-66
1 OGOS - 16 SEPTEMBER 2023
KADAR PROMOSI - RM10
Jangan Lepaskan Peluang
Nikmati Diskaun Tambahan RM5
TERMA DAN SYARAT MELAYAKKAN ANDA MENIKMATI DISKAUN TAMBAHAN RM5 :
SYARAT 01 ANDA MEMILIKI LEBIH DARIPADA 50 KOMPAUN ATAU NOMBOR KENDERAAN YANG SAMA, DAN
SYARAT 02 ANDA MEMBAYAR KESELURUHAN JUMLAH KOMPAUN DI DALAM REKOD SEMAKAN KOMPAUN DENGAN KADAR RM5/KOMPAUN
SEMAKAN KOMPAUN SECARA ONLINE :
WWW.ONLINE.MPBP.GOV.MY
SEMAKAN BOLEH DIBUAT MENGGUNAKAN :
1. NOMBOR KENDERAAN 3. NOMBOR KOMPAUN
2. NOMBOR KAD PENGENALAN
KAEDAH BAYARAN SECARA ONLINE :
Billir Code : 48736
Ref-1 : No Kompaun
Ref-2 : No Telefon
JomPAY Online Perbankan Internet dan Telefon Mudah Aish dengan akaun semesta atau simpanan.
1. Pin Binar 20 2. Bilir Code - Maga Perbandaran 3. Batu Pahat (Batas) 4. Nombor No. Telefon
5. Maksudkan No. Kenderaan 6. Maksudkan Jarak Bayaran 8. Bilir Perbankan Internet
MAGAS KAWAN
Tahun Hotline : 1300-86-4227 | Fax : 07-439 6000
Website : www.mpbp.gov.my

Promosi
KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-66
KADAR PROMOSI RM10
Nikmati Diskaun Tambahan RM5
(Tertakluk kepada terma dan syarat)**
1 OGOS 2023
Hingga
16 SEPTEMBER 2023
SEMAKAN KOMPAUN BOLEH DIBUAT SECARA ONLINE !
Sila Layari : online.mpbp.gov.my
MAGAS KAWAN
Tahun Hotline : 1300-86-4227 | Fax : 07-439 6000
Website : www.mpbp.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

VAN KAUNTER BERGERAK 2023

CUKAI HARTA
 SEWA GERAI/PASAR
 KOMPAUN TLK
 LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

Promosi KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA
SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-66 **KADAR PROMOSI !!!**

1 OGOS 2023 Hingga 16 SEPTEMBER 2023 **RMS 10**

TARIKH	HARI	MASA	LOKASI
19 & 20 OGOS 2023	SABTU & AHAD	10.30 PAGI - 3.45 PETANG	PINTU MASUK UTAMA, BP MALL
26 & 27 OGOS 2023	SABTU & AHAD	10.30 PAGI - 3.45 PETANG	PINTU MASUK UTAMA, BP MALL
2 & 3 SEPTEMBER 2023	SABTU & AHAD	10.30 PAGI - 3.45 PETANG	PINTU MASUK UTAMA, BP MALL
9 & 10 SEPTEMBER 2023	SABTU & AHAD	10.30 PAGI - 3.45 PETANG	PINTU MASUK UTAMA, BP MALL

Sila Layari : online.mppb.gov.my

HUBUNGI KAMI Talian Hotline : 1300-88-6727 Fax : 07-439 6999



Sumber : Jabatan Kewangan, MPBP

3. Kaunter Van Bergerak 1 Daerah Batu Pahat Bagi Tahun 2023

Majlis turut menyediakan perkhidmatan Van Kaunter Bergerak di luar bandar Batu Pahat untuk memberikan kemudahan kepada warga Batu Pahat membuat bayaran seperti cukai harta, sewaan, memperbaharui lesen perniagaan, kompaun TLK dan sebagainya. Tahun 2023 menyaksikan penglibatan kaunter van bergerak MPBP di beberapa program antaranya Program Gerak Mesra anjuran Ahli Majlis di setiap zon Batu Pahat dan juga program yang dianjurkan oleh agensi luar. Perkhidmatan van kaunter bergerak ini juga telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada orang awam di Batu Pahat.



Sumber : Jabatan Kewangan, MPBP

4. *Plogging* Di Kawasan Jalan Angkat Sempena Program 100 Hari Johor Bersih Bagi Tahun 2023

Jabatan Kewangan telah dipilih bagi mengelola Program *Plogging* Jalan Angkat Sempena Program 100 Hari Johor Bersih sepanjang bulan Mei 2023. Program yang diadakan itu telah disertai oleh hampir 60 kakitangan Jabatan Kewangan yang terdiri daripada kakitangan di Jabatan Kewangan dan juga Unit Tempat Letak Kereta (TLK).



Sumber : Jabatan Kewangan, MPBP



JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & KELESTARIAN BANDAR

1) HARI BERSAMA KOMUNITI DI PEKAN-PEKAN KECIL

a) HARI KOMUNITI @ PEKAN SEMERAH

Tarikh : 21 Mei 2023 (Ahad)

Masa : 7.30 pagi – 1.00 petang

Tempat : Taman Semerah Harmoni, Pekan Semerah

Program telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohd. Fared bin Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerah. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti taklimat Perancangan Pembangunan Pekan Semerah & Program Bandar Selamat, Pameran Agensi-agensi Kerajaan, Kaunter Bayaran Cukai, Aktiviti Plogging serta Program Berbasikal Jelajah Batu Pahat Siri 2.0 turut dijalankan. Bersempena itu juga, satu program berbasikal juga dianjurkan iaitu Program Berbasikal Jelajah Batu Pahat Siri 2.0 yang disertai oleh 300 peserta yang memulakan kayuhan dari Pekan Semerah sejauh 45km melalui Jalan Sungai Nibong, Jalan Parit Kuda, Jalan Batu Putih, Taman Sri Sulong, Jalan Parit Sulong - Simpang Lima dan berakhir dilokasi pelepasan di Pekan Semerah.





b) HARI BERSAMA KOMUNITI @ PEKAN RENGIT & SENGGARANG

Tarikh : 23 September 2023 (Ahad)
 Masa : 7.30 pagi – 1.00 petang
 Tempat : Pekan Rengit

